

IIM komited tingkat integriti rakyat

BH- 3/4/2007.

Kerjasama masyarakat, kerajaan berkesan bendung kegiatan tidak bermoral



Presiden Institut Integriti Malaysia (IIM), Datuk Dr Mohd Tap Salleh

Oleh Saufi Hamzah

? Langkah kerajaan menggubal Pelan Integriti Nasional (PIN) dan menubuhkan Institut Integriti Malaysia (IIM) menandakan kesungguhan untuk menghapuskan gejala rasuah. Tetapi apakah persoalan mengenai integriti hanya berkisar kepada rasuah dan salah guna kuasa.

Sebenarnya persoalan mengenai integriti merangkumi pelbagai aspek dalam kehidupan kita. Cara kita mengendalikan diri kita dengan keluarga, peradaban dalam masyarakat dan di tempat kerja. Rektor diri boleh mempengaruhi orang lain. Individu yang berintegriti membuat sesuatu perkara itu dengan baik dan beretika. Integriti adalah membuat sesuatu perkara betul dan baik walaupun tiada orang melihat. Sama ada bos lihat atau rakan kita lihat, kita buat perkara benar. Orang Islam misalnya, mesti ingat bahawa Allah melihat apa yang kita buat dan saya percaya semua agama juga menyuruh penganutnya berbuat baik. Pemantapan integriti dapat meningkatkan kualiti diri sebagai seorang individu yang berhemah tinggi. Integriti juga bukan sekadar berlegar kepada persoalan rasuah.

? Bermakna, soal integriti seharusnya menjadi amalan harian.

Ya... seperti sistem penyampaian perkhidmatan awam, etika perniagaan dan tanggungjawab sosial, kemandapan institusi keluarga dan komuniti, budi bahasa, kualiti hidup dan kesejahteraan masyarakat adalah maksud secara umum mengenai integriti. Ketua keluarga mesti mendidik anak supaya mengamalkan nilai murni seawal usia dan sememangnya dituntut ajaran Islam. Dalam sektor swasta pula, cara kita mengendalikan syarikat dengan amalan etika perniagaan yang betul dan sekiranya syarikat menghayati konsep sebenar integriti, sudah tentu perniagaan dijalankan mendapat keberkatan dan insya-Allah mendapat keuntungan.

? Bagaimana dengan sistem penyampaian kerajaan yang begitu ditekan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi agar memudahkan maklumat yang tepat disampaikan kepada rakyat dan orang ramai.

Masih banyak ruang untuk penjawat awam memperbaiki mutu perkhidmatan bagi membolehkan sistem penyampaian kerajaan sampai kepada kumpulan sasaran. Harapan rakyat begitu tinggi, penjawat awam perlu memastikan mereka memberikan khidmat terbaik. Akan ada pelanggan yang tidak berpuas hati, tetapi keadaan itu biasa kerana di mana-mana negara maju, rungutan masih kedengaran membabitkan perkhidmatan awam.

? Adakah IIM gagal dalam usaha membanteras kegiatan tidak berintegriti seperti rasuah dan salah guna kuasa di kalangan kakitangan awam

dan pemimpin politik.

Saya fikir memang tidak dinafikan kegiatan tidak berintegriti berlaku dan pada masa sama wujud kehakisan integriti. Sama ada banyak atau sedikit kegiatan tidak bermoral itu menular dalam kerajaan dan kalangan pemimpin politik, natijahnya ia memang membimbangkan. Kalau kita baca akhbar kerap dipaparkan mengenai salah guna kuasa dan rasuah. Soal naik turun kedudukan kita dalam Indeks Persepsi Rasuah yang dikeluarkan oleh Transparency International (TI) adalah bukti bahawa keterbukaan kerajaan kepada laporan mengenai gejala tidak berintegriti dalam perkhidmatan awam dan kepimpinan politik. Media kita boleh melaporkan perkara ini. Memang baik kerana masyarakat sendiri tahu menilai mana yang betul dan mana tidak. Jika berlaku gejala ini, pihak yang mengemukakan aduan perlu membuat laporan lengkap bersama fakta, bukan tuduhan tidak berasas. Biar pun ada tuduhan terhadap individu melakukan gejala tidak berintegriti itu, tetapi angkanya tidak bertambah. Perbincangan diketengahkan kepada rakyat dan membuktikan bahawa ada berlaku keruntuhan integriti.

Kita pula tidak boleh sekadar berpaling ke arah lain dan berkata ia tiada kaitan dengan diri kita. Adalah menjadi tanggungjawab kita untuk melaporkan sebarang salah guna kuasa dan rasuah dalam perkhidmatan awam. Kita tidak boleh selindung jika berlaku keruntuhan integriti. Mereka yang fikir nak salah guna kuasa atau memberikan rasuah, mereka akan fikir dua kali.

? Sejauh mana keberkesanan usaha dan program IIM dalam membanteras rasuah dan salah guna kuasa.

Pada awal penubuhan IIM, bermula 2004 hingga 2006, kita beri penerangan dan pendedahan kepada semua peringkat, sama ada pada peringkat sekolah dan diikuti peringkat universiti. Tahun ini, kita buat beberapa perubahan ketara. Kita menjalin kerjasama dengan agensi tertentu terutama yang berdepan dengan masyarakat secara terus seperti polis, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Kastam Diraja Malaysia (KDRM) dan pihak berkuasa tempatan dalam usaha bersama memantapkan integriti masyarakat Malaysia. Semua agensi kerajaan ini berada di barisan depan bagi

“ Masih banyak ruang untuk penjawat awam memperbaiki mutu perkhidmatan bagi membolehkan sistem penyampaian kerajaan sampai kepada kumpulan sasaran. Harapan rakyat begitu tinggi, penjawat awam perlu memastikan mereka memberikan khidmat terbaik”

Mohd Tap Salleh
Presiden Institut Integriti Malaysia (IIM)

memperlihatkan sama ada kerajaan memberi perkhidmatan awam terbaik atau sebaliknya. Kerjasama pihak swasta juga penting termasuk dalam sektor ekonomi.

? Adakah IIM mempunyai formula tertentu untuk diserapkan di kalangan kakitangan awam supaya menjauhkan diri daripada perbuatan tidak berintegriti dan salah guna kuasa.

Kita sering mengadakan sesi ceramah untuk menyedarkan kakitangan awam supaya menjauhkan diri daripada gejala tidak berintegriti. Pada kita perbincangan secara rapat dapat memberi satu formula terbaik bagi meningkatkan tahap integriti masyarakat umum. Cuma orang memiliki tahap penghayatan kurang, tetapi jika dapat dibudayakan nilai murni, ada banyak faedah dapat diperoleh dan paling penting, perkhidmatan kepada orang ramai dapat dibaiki dan seterusnya memantapkan budaya berintegriti. Apapun yang kita buat di tempat kerja misalnya jika asas tidak dimantapkan, maka akan susah di kemudian hari.

? Adakah IIM memikirkan bahawa kepemimpinan melalui teladan yang ditekankan kerajaan selama ini tidak berkesan.

Saya fikir kita belum mencapai tahap terbaik. Kejayaan yang dicapai selama ini boleh ditingkatkan kerana masih berlaku perkara tidak baik dalam perkhidmatan awam di negara ini seperti kelewatan, kurang profesionalisme, kualiti perkhidmatan yang rendah dan juga berlaku gejala rasuah. Dalam sejuta kakitangan awam, masih ada dua atau tiga kerat yang melakukan rasuah dan masih ada ruang yang membolehkan gejala tidak bermoral berlaku. Kerajaan sentiasa berusaha untuk menghapuskan rasuah, tetapi pada masa sama, wujud ruang dan peluang biarpun sikit untuk melakukan perbuatan tidak bermoral itu. Tetapi jika ruang dan peluang ini dapat disekat sepenuhnya, maka tiada kesempatan untuk melakukannya. Jika sebelum ini jumlah kakitangan awam adalah sekitar 700,000 orang, tetapi sekarang sudah melebihi sejuta.

? Setakat ini, bagaimana dengan program IIM pada peringkat sekolah. Adakah menunjukkan kejayaan ba-

gi mendidik peringkat usia muda memahaminya.

Memang menunjukkan kejayaan membanggakan kerana dapat menerapkan kesedaran mengenai integriti pada usia muda. Sekolah memainkan peranan sangat besar kerana apabila menamatkan zaman persekolahan, mereka akan mempraktikkan nilai murni yang diperoleh ketika di bangku sekolah dengan syarat ibu bapa menjadi penyokong kuat dan tidak hanya mengharapkan sekolah untuk membentuk peribadi anak. IIM turut mencadangkan agar Kementerian Pelajaran menubuhkan penubuhan kelab integriti di sekolah dan diharapkan hasrat ini dapat direalisasikan. Pada peringkat institusi pengajian tinggi (IPT) pula sudah ada Pelan Integriti khusus untuk pelajar IPT.

? Bagaimana IIM melihat gejala tidak berintegriti di sektor swasta terutama membabitkan tender projek.

Kerajaan sudah mengambil keputusan tegas. Jika berlaku gejala tidak berintegriti pada masa akan datang, tender yang diberikan kepada syarikat akan dirampas dan jika perbuatan tidak bermoral dilakukan orang mengemukakan tender, dia boleh dianggap pengkhianat bangsa. Tender yang dikeluarkan adalah untuk membantu peniaga dan usahawan Bumiputera. Adalah malang apabila golongan usahawan terlalu mengejar keuntungan dalam sekelip mata dan cepat tanpa berusaha. Usaha kerajaan untuk membantu mereka akan menjadi kucar-kacir dan lebih teruk apabila kerajaan dituduh dengan pelbagai dakwaan yang seolah-olah menunjukkan kerajaan tidak prihatin. Objektif murni kerajaan untuk membantu syarikat Bumiputera tidak akan tercapai. Tindakan tegas perlu diambil kepada mereka yang 'mengalibabakan' tender projek, lebih-lebih lagi projek milik kerajaan.

? Adakah Malaysia mampu untuk memperbaiki Indeks Persepsi Rasuah pada masa akan datang.

Sudah tentu. Pada jangkaan saya, Malaysia akan mencapai tahap yang baik, tetapi jangan harap ia akan berlaku dalam tempoh setahun dua sebaliknya lebih kepada jangka panjang. Keprihatinan rakyat dan sektor swasta yang turut mengambil bahagian dalam usaha membanteras gejala kurang berintegriti. Ia bukan semata-mata bergantung kepada kerajaan dan agensi penguat kuasa, tetapi semua pihak perlu bersama-sama mencapai matlamat ini. Individu kena bertanya... apa saya boleh bantu untuk membanteras masalah ini. Jangan harap kepada polis, BPR dan agensi penguat kuasa undang-undang saja. Individu juga tidak boleh setakat berpaling ke arah lain dan berkata ia bukan masalah saya.

? Apakah kesimpulan yang dapat Datuk buat mengenai persoalan integriti di Malaysia.

Kita sudah buat banyak perubahan. Perdana Menteri sendiri sangat menekankan penyelesaian terhadap permasalahan integriti. Beliau seorang Perdana Menteri dan memerlukan sokongan pelbagai lapisan masyarakat. Tanpa bantuan semua pihak, kita tidak dapat mencapai apa dikehendaki. Kita perlu bantu Perdana Menteri mengukuhkan pelaksanaan PIN dan memantapkan kedudukan Malaysia dalam memantapkan aspek kehidupan berlandaskan nilai murni, beretika dan berintegriti.

